

03 MAR 1999

Mahathir-PAS

PAS SERTAI PILIHAN RAYA SABAH UNTUK BANTU PBS: MAHATHIR

SUBANG, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penyertaan PAS dalam pilihan raya negeri Sabah hanya bertujuan menolong Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam usahanya menundukkan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Bercakap kepada pemberita setibanya dari Dhaka selepas menghadiri Persidangan Kumpulan Negara Islam Membangun (D-8) di sini, Perdana Menteri berkata: "Dia (PAS) masuk bertanding cuma nak tarik keluar pengundi yang mungkin terdiri daripada orang Islam supaya UMNO kalah dan PBS akan menang."

"Secara langsung saya berani kata penyertaan PAS dalam pertandingan di Sabah bertujuan untuk menolong PBS," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas pertandingan sengit yang dihadapi BN dalam pilihan raya negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac ini dengan calon-calon BN menghadapi tentangan sekurang-kurangnya tiga penjuru di kesemua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri.

PAS kali ini meletakkan calonnya di enam kawasan walaupun gagal memenangi sebarang kerusi menerusi tiga calonnya pada pilihan raya lalu.

"Memanglah ini cara PAS...dia cuba menentukan orang Islam akan kalah," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini mendorong sesiapa sahaja yang ingin bertanding berbuat demikian.

"Kita dalam proses demokrasi ini, memanglah kalau ada pertandingan semua orang hendak bertanding. Yang tak boleh menangpun masuk bertanding. Macam PAS dia tidak pernah menangpun di Sabah," katanya.

Turut menyambut ketibaan Dr Mahathir ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

-- BERNAMA

MAM AKD